

Angkasa kekal kukuh sebagai gergasi Apeks gerakan koperasi



Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) meneruskan komitmen memacu pertumbuhan dan kemajuan gerakan koperasi agar sentiasa berinovasi dan relevan seiring dengan keperluan anggota dan rakyat.

Penawaran produk dan perkhidmatan yang sesuai dengan kehendak pasaran merupakan fokus utama bagi meningkatkan daya saing gerakan koperasi supaya sentiasa berperanan menjadi jentera berkesan membangunkan taraf hidup anggota, membantu meningkatkan kesaksamaan pengagihan ekonomi dan menyumbang kepada kesejahteraan sosioekonomi negara.

Presidennya yang juga Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, pelbagai strategi telah diimplementasikan oleh Angkasa melalui perubahan Lapan Sektor Pembangunan Pembiayaan Koperasi, Program Pemerkasaan Koperasi (CEP), program peruncitan untuk mengurangkan beban kos sara



hidup di bawah Projek Barang Asas 100 (BA100) dan digitalisasi perniagaan koperasi.

Menurutnya, strategi yang dijalankan oleh Angkasa bersama-sama koperasi membuktikan gerakan itu mampu untuk mendepani cabaran dan kekal teguh memberi perkhidmatan terbaik kepada anggota dan masyarakat.

"Ini terbukti apabila perolehan gerakan koperasi kian memulih biarpun terkesan dengan sekatan pandemik Covid-19 yang bermula pada tahun 2019. Perolehan koperasi pada 2020 menguncup kepada RM41.5 bilion dan RM37.9 bilion pada 2021 berbanding RM45.9 bilion pada 2019.

"Perolehan gerakan ini melonjak semula kepada RM45.5 bilion pada tahun 2022. Saya yakin, gerakan koperasi berupaya mencapai perolehan RM100 bilion pada

Jika semuanya berjalan lancar CoopUmrah akan bertolak ke tanah suci bermula 19 hingga 29 Julai ini. Pakej ini masih dibuka dan warga koperasi serta orang ramai boleh menghubungi Angkasa sekiranya berminat." - **Abdul Fattah**

2030 seperti yang disasarkan oleh kerajaan menerusi Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 sekiranya momentum ini dapat diteruskan," katanya dalam satu temu bual bersama Sinar Harian, baru-baru ini.

Abdul Fattah berkata, bagi membantu koperasi untuk terlibat dengan perniagaan berimpak tinggi, Angkasa mewujudkan projek inkubasi melalui CEP.

"Buat masa ini, Angkasa sedang menumpukan kepada projek yang boleh membantu rakyat dalam mendepani peningkatan kos sara hidup termasuk meningkatkan ekonomi menerusi keusahawanan koperasi iaitu projek BA100 dan CoopFarmasi serta membantu menangani isu keterjaminan makanan menerusi projek ternakan lembu tenusu Heifer's Park," katanya.

Jelasnya, projek BA100 yang dijalankan secara dalam talian fokus kepada menawarkan harga barangan asas yang lebih murah kepada pengguna.

"Sehingga April 2023, sebanyak 2,568 koperasi terlibat dengan BA100. Saya mengajak lebih banyak koperasi menyertai BA100 untuk mendapatkan diskaun daripada pembekal seterusnya menawarkan harga menarik kepada pengguna," katanya.

Menurut beliau, Angkasa juga menawarkan pakej umrah dan ziarah dengan harga kompetitif kepada

anggota koperasi dan masyarakat menerusi CoopUmrah.

"Jika semuanya berjalan lancar, CoopUmrah akan bertolak ke tanah suci bermula 19 hingga 29 Julai ini. Pakej ini masih dibuka dan warga koperasi serta orang ramai boleh menghubungi Angkasa sekiranya berminat," kata Abdul Fattah.

Ujarnya, Angkasa menyarankan koperasi terutama yang baharu berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), menjadi ahli Angkasa bagi mendapatkan bimbingan dan meluaskan jaringan perniagaan demi manfaat bersama.

Beliau berkata, sekongon penuh daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), SKM, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan gerakan koperasi itu sendiri merupakan kunci kepada kejayaan usaha yang dijalankan oleh Angkasa.

12 Mei 1971 merupakan tarikh penubuhan Angkasa sebagai badan Apeks gerakan koperasi negara yang mewakili sektor tersebut pada peringkat nasional dan antarabangsa.

Hari ini genap 52 tahun Angkasa memainkan peranan sebagai gergasi gerakan koperasi dalam memperjuangkan hak dan kepentingan lebih tujuh juta anggotanya, meningkatkan keberdayaan perniagaan sekaligus memberi sumbangan kepada landskap ekonomi negara.

JARINGAN UMRAH KOPERASI

JOM SERTAI COOPUMRAH 2023

RM8,990

4 ORANG SEBILIK

RM9,450

3 ORANG SEBILIK

RM10,200

2 ORANG SEBILIK

Bakal jemaah akan diberi bimbingan dan panduan sebagai persediaan awal meliputi:

- Kursus dan taklimat secara fizikal dan online setiap bulan
- Group whatsapp jemaah sebagai pusat pertanyaan
- Perkongsian video-video soal jawab dan panduan umrah
- Buku panduan umrah dan doa bagi meningkatkan kefahaman awal

Masih belum wasiatkan harta? Bakal jemaah akan diberikan bawcer bernilai RM200 sekiranya ingin mendaftarkan wasiat dan pusaka melalui MyANGKASA Amanah Berhad.

No. Kelulusan Iklan MOTAC: IU0257

TARIKH COOPUMRAH 2023

19 JUL (TERHAD)	2 OGS	18 OGS	24 OGS
6 SEPT	20 SEPT	4 OKT	18 OKT
1 NOV	6 DIS	12 Hari (5 Hari Mekah 5 Hari Madinah)	

JAMINAN PAKEJ UMRAH OLEH ANGKASA
 Pakej yang dijamin ketelusan serta kualiti pengurusannya oleh ANGKASA

DIJAMIN TIADA CAJ TERSEMBUNYI
 Tiada sebarang bayaran tambahan dikenakan.
Yerakif extra pembelian dan perkhidmatan untuk menambati akaun-mengubah pakej anda akan

PERKONGSIAN ILMU DAN PANDUAN SEPANJANG MASA
 Tolian khas bagi membantu setiap jemaah sepanjang masa

ANDA DIBERI VISA UMRAH
 Umrah yg dikira termasuk jaminan kos rawatan hospital kerajaan Arab Saudi
 Jaminan bawa pulang air Zamzam

HOTEL DEKAT SAJA
 Jarak dalam lingkungan 300 meter dari hotel ke dataran masjid

BIMBINGAN UMRAH
 Secara fizikal & online setiap bulan secara percuma

PELBAGAI KEMUDAHAN DAN AKSESORI PERCUMA

PENERBANGAN TERUS KLIA - JEDDAH
 Penerbangan pergi balik secara terus dari KLIA

HUBUNGI

Pn. Sherina 010 402 3070
 Pn. Siti 019 219 8235
 Help Desk 011 1058 6788
 Pejabat 03 7884 6788

COOPUMRAH Menelusuri Sirah, Menghapi Ibadah.

ECCORITHS LEISURE TRAVEL & TOURS SDN. BHD. (No. Lesen 107/21/09/02)
 No. 27/1, Jalan Tukul P/15P, Seksyen 15, 40000 Shah Alam, Selangor

@COOPUMRAH

Perpustakaan Koperasi Malaysia ANGKASA